

21/06/1999

Kerap adakan ceramah perjelas fitnah: Arof Saad

UMNO perlu sering mengadakan ceramah, bukan saja untuk meningkatkan semangat perpaduan di kalangan ahlinya, malah memberi penjelasan kepada masyarakat termasuk ahli Pas mengenai pelbagai fitnah yang dilemparkan terhadap Umno.

Wakil Badan Perhubungan Umno Perlis, Arof Saad, berkata pemimpin Umno sentiasa mengajak ke arah perpaduan berpandukan al-Quran.

"Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri sentiasa mengajak ke arah perpaduan dalam setiap ucapannya ketika menemui pemimpin dan rakyat.

"Bagaimanapun, pemimpin Pas tidak mahu mengakui perjuangan Umno ini. Kalau Pas mengajak ke arah perpaduan, kita nak tanya kepada parti itu sama ada dalam al-Quran atau Hadis, mana ayat yang mengajak perpecahan?" katanya ketika membahaskan usul agama dan sosial.

Arof juga kesal dengan tindakan pihak tertentu, terutama pembangkang yang menyebarkan pelbagai fitnah terhadap Umno, termasuk melalui Internet.

"Malah, mereka sanggup menyebarkan fitnah bahawa Dr Mahathir jatuh sakit dan tidak menunaikan tawaf serta ke Arafah ketika menunaikan ibadah haji baru-baru ini.

"Bagi mengetahui keadaan sebenar, saya bertanya perkara itu kepada Menteri Besar Perlis, Datuk Shahidan Kassim ketika beliau pulang dari Makkah dan beliau menafikan.

"Orang Pas tidak tahu bahawa dalam al-Quran ada menyebut bahawa fitnah lebih dahsyat daripada membunuh, tetapi mereka menggunakannya untuk kepentingan politik," katanya.

(END)